

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BT. SURIP (MERBOK)

TARIKH : 2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kriteria dan tempoh masa untuk memudahkan kelulusan permohonan Pemastautin Tetap (Permanent Residence) bagi anak-anak bukan warganegara di bawah 6 tahun yang dilahirkan kepada ibu warganegara Malaysia. Apakah penolakan permohonan kewarganegaraan salah satu kriteria yang perlu dipenuhi untuk kelayakan memohon Pemastautin Tetap.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kad Pengenalan Merah bertaraf Pemastautin Tetap (MyPR) dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Subperaturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 [PPN1990] kepada mana-mana individu yang layak berusia 12 tahun dan ke atas. Mana-mana individu yang bukan warganegara Malaysia boleh memohon taraf pemastautin tetap dan kad pengenalan MyPR setelah mendapat Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

SOALAN NO : 24

Permit Masuk merupakan suatu dokumen yang membenarkan seseorang warganegara asing yang bukan bertaraf warganegara Malaysia untuk masuk dan tinggal tanpa tempoh di Malaysia. Permohonan Permit Masuk adalah terbuka kepada individu yang bukan bertaraf warganegara Malaysia dan memiliki dokumen perjalanan yang sah. Bagi permohonan dari Semenanjung Malaysia, Permit Masuk akan dikeluarkan di Ibu Pejabat Imigresen Malaysia, Putrajaya manakala bagi Sabah dan Sarawak, dokumen akan dikeluarkan di Pejabat Imigresen Negeri berkenaan.

Pengeluaran Permit Masuk kepada setiap warga asing dipertimbangkan dengan teliti terutamanya daripada segi latar belakang yang merangkumi umur, kelayakan akademik, kemahiran Bahasa Malaysia, tempoh menetap di Malaysia, nilai pelaburan dan pekerjaan / pengalaman serta aspek keselamatan demi kesejahteraan warganegara Malaysia.

Bagi **anak di bawah umur 18 tahun kepada warganegara Malaysia**, mereka layak dipertimbangkan pemberian Permit Masuk kerana termasuk dalam kategori orang yang dikecualikan daripada larangan kemasukan di bawah Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963 tertakluk kepada pengemukakan dokumen-dokumen berkaitan termasuklah **surat keputusan penolakan tuntutan kewarganegaraan dari JPN** dan hendaklah **ditaja oleh ibu atau bapa yang bertaraf warganegara**.

Setelah memperoleh Permit Masuk, pemohon layak untuk memohon kad pengenalan MyPR di JPN. Setiap permohonan yang diterima oleh JPN akan disaring bagi mengesahkan maklumat-maklumat yang dikemukakan sebelum kad pengenalan MyPR diluluskan dan dicetak. Tempoh piagam adalah **3 bulan** dari tarikh permohonan lengkap diterima.